

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 1/5
------------------------------------	------------------

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Elaun Tugas Memandu Kenderaan	<p>Elaun Tugas Memandu Kenderaan telah diperuntukan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1980.</p> <p>Elaun ini dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang jawatannya bukan Pemandu Kenderaan dan diarahkan oleh Ketua Jabatannya untuk memandu Kenderaan Kerajaan.</p> <p><u>TAKRIFAN</u></p> <p><u>PEGAWAI</u></p> <p>Pegawai bermakna seorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan dan Perkhidmatan Kerajaan Negeri termasuk yang dilantik secara tetap dan sementara.</p> <p><u>GRED</u></p> <p>Gred gaji di bawah Sistem Saraan Malaysia mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002. Pegawai yang memilih tidak menerima Sistem Saraan Malaysia boleh terus mengemukakan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran dibawah pekeliling ini berdasarkan Gred/Kategori masing-masing di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) mengikut mana yang berkenaan.</p>	Pekeliling Perbendaharaan WP1.4

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 2/5
------------------------------------	------------------

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Elaun Tugas Memandu Kenderaan	<p>Pastikan kenyataan tuntutan Elaun Tugas Memandu Kenderaan dan dokumen sokongan disertakan.</p> <p>1.0 Semak bulan dan tahun kewangan jika bukan tahun semasa pastikan sijil AP58(a) disertakan dan memenuhi syarat berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> 1.1 Tuntutan hendaklah disempurnakan dalam tahun kewangan; dan 1.2 Baki peruntukan dalam tahun kewangan dan tahun semasa adalah mencukupi. <p>2.0 Sekiranya syarat AP58 (a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan Perbendaharaan disertakan.</p> <p>3.0 Pastikan butir-butir maklumat pegawai yang dicatat adalah lengkap seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> 3.1 Nama dan No.Kad Pengenalan 3.2 Gred/Kategori/Kumpulan & Jawatan. 3.3 Nama bank dan nombor akaun bank <p>4.0 Sila semak kelayakan penuntut/pemandu.</p> <p style="text-align: center;">Pegawai Yang Layak</p> <p>4.1 Pegawai yang layak dibayar Elaun Tugas Memandu Kenderaan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:-</p>	<p>Format seperti di Lampiran A</p> <p>Arahan Perbendaharaan 58(a)</p> <p>Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2007</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 3/5
------------------------------------	------------------

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Elaun Tugas Memandu Kenderaan.	<p>4.1.1 tugas hakiki bukan memandu kenderaan;</p> <p>4.1.2 mempunyai lesen memandu kenderaan yang sah mengikut kategori kenderaan yang berkenaan;</p> <p>4.1.3 bagi pegawai yang diarahkan untuk memandu bot Kerajaan, pegawai hendaklah mempunyai Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia;</p> <p>4.1.4 diarahkan oleh Ketua Jabatan Kerajaan bagi menjalankan tugas-tugas rasmi jabatan dan;</p> <p>4.1.5 memandu dan menguasai kenderaan berkenaan selama 4 jam sehari;</p> <p>4.1.6 bagi pemandu kenderaan yang diarahkan untuk memandu bot Kerajaan adalah layak dibayar elaun tugas mengikut syarat-syarat di perenggan (c) hingga (e) di atas.</p>	<p>Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2007</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKA SURAT : 4/5

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan								
Elaun Tugas Memandu Kenderaan.	<p>5.0 Kadar Elaun</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: left; padding: 2px;">Jenis Kenderaan</th><th style="text-align: left; padding: 2px;">Kadar Sehari</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 2px;">Kereta/Van/Lori/Bot</td><td style="padding: 2px;">RM 5.00</td></tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Berenjin</td><td style="padding: 2px;"></td></tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Motosikal</td><td style="padding: 2px;">RM 3.00</td></tr> </tbody> </table> <p>6.0 Kaedah pembayaran</p> <p>6.1 Melalui baucar bayaran berasingan dengan menggunakan borang seperti di Lampiran A (dibayar mengikut hari)</p> <p>7.0 Pengakuan</p> <p>7.1 Semak sama ada kenyataan tuntutan (Lampiran.A) di ruangan pengakuan diisi dengan lengkap. Tandatangan penuntut hendaklah dilengkapkan.</p> <p>8.0 Pengesahan</p> <p>8.1 Semak sama ada kenyataan tuntutan di ruangan pengesahan seperti tarikh, tandatangan pengesahan Ketua Jabatan dan cop rasmi jawatan/jabatan dilengkapkan.</p>	Jenis Kenderaan	Kadar Sehari	Kereta/Van/Lori/Bot	RM 5.00	Berenjin		Motosikal	RM 3.00	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2007
Jenis Kenderaan	Kadar Sehari									
Kereta/Van/Lori/Bot	RM 5.00									
Berenjin										
Motosikal	RM 3.00									

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 MUKA SURAT : 5/5

Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
Elaun Tugas Memandu Kenderaan.	<p>9.0 Pastikan dokumen sokongan berikut disertakan:</p> <p> 9.1 Surat kebenaran/kuasa memandu kenderaan daripada Ketua Jabatan; dan</p> <p> 9.2 Salinan buku log kenderaan yang dikemaskini.</p> <p>10.0 Sila semak kod objek yang digunakan adalah menggunakan kod akaun B0112199.</p>	Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 10 Tahun 2017

LAMPIRAN A**TUNTUTAN ELAUN TUGAS MEMANDU KENDERAAN
BAGI BULAN.....**

Nama : _____
Nama Jawatan/Gred : _____
No. K/P : _____
No. Gaji : _____
Nama bank : _____
Nombor Akaun Bank : _____

Saya dengan ini mengesahkan bahawa tugas memandu bukanlah tugas hakiki saya dan dengan ini saya menuntut Elaun Tugas Memandu Kenderaan kerana telah diarahkan menjalankan tugas memandu dan menguasai kenderaan jabatan bagi tempoh yang melebihi 4 jam sehari bagi tarikh-tarikh seperti di bawah:

Bil.	Tarikh	Masa/Jam		Tujuan	Jumlah Jam
		Dari	Hingga		

Jumlah hari : * RM_____ Sehari = RM.....

(Ringgit Malaysia :)

Saya mengesahkan bahawa:

- a. Segala maklumat yang diberikan di atas adalah **benar**.
- b. Saya mengaku bahawa telah membawa kenderaan berkenaan melebihi 4 jam sehari
- c. Tuntutan ini dibuat mengikut kadar dan syarat seperti yang dinyatakan di bawah peraturan-peraturan yang berkuatkuasa sekarang.
- d. Sekiranya didapati bahawa maklumat yang diberikan itu tidak benar, saya akan kehilangan kelayakan elaua ini.

Tarikh: (Tandatangan Yang Menuntut)

Adalah disahkan bahawa telah diarahkan menjalankan tugas memandu dan menguasai kenderaan jabatan pada tarikh di atas dan beliau layak menerima Elaun Tugas Memandu Kenderaan Mengikut kadar dan syarat seperti yang dinyatakan di bawah peraturan-peraturan yang berkuatkuasa sekarang.

Tarikh : (Tandatangan Ketua Jabatan)
Cop Rasmi Jawatan/Jabatan

Nota : * Mengikut jumlah hari yang layak